

Headline **27 atlet negara daftar di UPM**
Date **30. Jun 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Circulation **238082**
Readership **833287**

Language **MALAY**
Page No **16**
Article Size **110** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



MOHD. EDREN FADZILAH

27 atlet negara daftar di UPM

KUALA LUMPUR 29 Jun - Seramai 27 atlet negara serta seorang pelajar kurang upaya (OKU) merupakan antara pelajar baru yang mendaftar di Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi sesi akademik 2008/2009.

Ketua Bahagian Komunikasi dan Korporat UPM, Khairul Anuar Md. Noh berkata, kesemua atlet itu adalah dari Majlis Sukan Negara (MSN) dan ditawarkan belajar di UPM baru-baru ini.

"Atlet-atlet itu pernah mewakili negara beberapa kali serta pernah merangkul pingat dalam Sukan SEA.

"Antaranya adalah Baljit Singh Sarjab Singh, 21, dari skuad hoki, Foong Seow Ting, 21, dari pasukan gimrama dan Ryan Chong Wy Loon, 20, atlet tae kwan do," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Tambah beliau, seorang pelajar OKU, Mohd. Edren Fadzilah, 22, turut berdaftar di universiti berkenaan.

"UPM menyediakan kemudahan mesra OKU dan kemudahan ini mendorong pelajar berkenaan yang lumpuh sejak kecil untuk memilih institusi pengajian tinggi ini," katanya.